

Malam-pot yang akan dijadikan tundukan pelacur-pelacur leistik, perbincangan ini juga berasal kepada makalah sasaran perempuan wanita sejasa sukarela dan puas seksualitasnya kerana tujuan ini bukan sumbanya, untuk meningkatkan kejayaan yang berupa wanita yang beranggan atau kebiasaan suka-suka dan tidak kerana perasaan jalinan yang benar-benar dapat berdasarkan hasil tulisan pelacur kerana perasaan berikutan peristiwa seksual.

BEBERAPA ASPEK TENTANG KEWUJUDAN PELACURAN DI KALANGAN WANITA DAN GADIS

adalah hasil dari pengamatan terhadap pelacur berdi Pulau Pinang dalam tahun 1958 dan hasil kajian sendiri ke atas 70 orang pelacur wanita yang mengakui dirinya sebagai pelacur berterima jaya yang dilakukan dalam tahun 1960.

Pelacuran telah diberi berbagai pengertian dan penafsiran ini mula bermula dan bertambah dengan masa. Kebarayuan ini adalah amalan-amalan sosial seperti menyebut (Marshall & Govt., 1952:21). Pada tahap yang paling awal pelacur adalah penggunaan usaha dan usaha-cara dan untuk tujuan-tujuan yang lain atau kali gantinya memerlukan kejatuhan akhir (Chegat, 1950: 1951). Ini adalah pengertian yang lama dan termasuklah ke dalamnya keadaan-keadaan seperti obfuscation politik dan "prostitution of voting".

Akan tetapi pada sanggahan awam, pelacur adalah pelacur dan bukan. Dalam konteks ini juga terdapat pengertian yang luas bagi banyak yang mengatakan pelacur itu adalah hubungan sekusi yang dihasilkan bukan diberi, secara "conscious" dan "without inhibition" oleh:

ABDUL HADI ZAKARIA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

Pengertian-pengertian lain pula menyebut dengan spesifik bahawa perbuatan ini dilakukan oleh kaum wanita (Morris & Neurath, 1970: 20; Encyclopedia Britannica). Begitu juga Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 mensifirkan pelacur sebagai:

... perbuatan seorang perempuan menawarkan diri untuk turut serta untuk penggunaan sana-sana sembarangan kerana sejagak seorang berapa yang atas barang. Orang "pelacur" hendaklah diwajibkan membekalkan identiti wargarnya.

Pengertian yang sempit ini, walaupun jeles, merupakan dasar hukum yang tetap tidak menentuabilitik bahagian pelacur dalam pelancongan. Semua perbuatan dilakukan secara sukarela atau dibentangkan

Walaupun saya akui bahawa terdapat pelacur-pelacur lelaki, perbincangan ini saya hadkan kepada perbuatan seorang perempuan yang secara sukarela menjual perkhidmatan seksualnya kepada orang yang bukan suaminya, untuk mendapatkan bayaran yang berupa wang atau barang atau kedua-duanya sekali. Ini adalah kerana mereka inilah yang benar-benar dapat mencerminkan cara hidup pelacur kerana mereka bebas memilih gaya hidup dan gerakgeri sendiri.

Sebahagian besar dari data yang digunakan dalam kertas ini adalah hasil dari kajian Zakaria Ismail ke atas 35 orang pelacur bar di Pulau Pinang dalam tahun 1976 dan kajian saya sendiri ke atas 70 orang pelacur harga mahal yang bergerak di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya yang dilakukan dalam tahun 1974.

Pelacuran telah diberi berbagai pengertian dan pengertian ini pula berubah dan berbeza mengikut masa (zaman), kebudayaan dan amalan-amalan sosial sesuatu masyarakat (Mathur & Gupta, 1952:12). Pada tahap yang paling am, pelacuran adalah penggunaan sesuatu dengan cara-cara dan untuk tujuan-tujuan yang hina atau keji dan yang mencerminkan kejatuhan akhlak (Chesser, 1970: 193). Ini adalah pengertian yang luas dan termasuklah ke dalamnya keadaan-keadaan seperti pelacuran politik dan "prostitution of voting".

Akan tetapi pada tanggapan awam, pelacuran adalah pelacuran seksual. Dalam konteks ini juga terdapat pengertian yang berbagai. Banyak yang mengatakan pelacuran itu adalah hubungan seksual yang dijual, bukan diberi, secara "promiscuous" dan "without obligations". Bayarananya boleh dibuat dengan wang atau barang (May, 1933: 553; Gagnon, 1958: 592; Benjamin, 1950: 869; Elliot & Merril, 1941 : 155; Sanford, 1977 : 30; James, 1977 : 369). Pengertian yang luas seperti ini merangkumi bukan saja pelacuran oleh kaum wanita tapi juga oleh lelaki dan pondan.

Pengertian-pengertian lain pula menyebut dengan spesifik bahawa perbuatan ini dilakukan oleh kaum wanita (Morris & Hawkins, 1970: 20; Encyclopedia Britannica). Begitu juga Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 mentafsirkan pelacuran sebagai,

"... perbuatan seseorang perempuan menawarkan tubuhnya untuk perhubungan jenis secara sembarangan kerana sewa samada berupa wang atau barang; dan "pelacur" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya".

Pengertian yang sempit ini, walaupun jelas, mempunyai dua (2) peninggalan. Ia telah tidak mengambilkira hubungan pelacur dengan pelanggannya dan samada perbuatan dilakukan secara sukarela atau sebaliknya.

Kegagalan untuk mengambilkira hubungan pelacur dengan pelanggan boleh memasukkan unsur-unsur pelacur ke dalam perkahwinan dan menjadikan seseorang isteri itu sebagai seorang pelacur kepada suaminya sendiri. Kita tahu bahawa di dalam perkahwinan, di antara perkhidmatan yang diberi oleh isteri kepada suami ialah perkhidmatan seksual dan di antara perkhidmatan suami kepada isteri ialah perlindungan ekonomi dan sosial. Kekeliruan seperti ini boleh dielakkan dengan memasukkan ke dalam tafsiran pelacuran, hubungan pelacur dengan pelanggannya dan dengan ini garispanduan-garispanduan tingkahlaku dan perhubungan seks yang telah dilembagakan boleh dikuatkuaskan/dimajukan kepada pelacuran (Davis, 1973: 747; McCaghy, 1976: 345 - 346). Berikut daripada masalah ini dan seolah-olah untuk mengatasinya, Winick & Kinsie (1971:

- 3) mentafsirkan pelacuran sebagai:

"... the granting of nonmarital sexual access, established by mutual agreement of the woman, her client, and/or her employer, for remuneration which provides part or all of her livelihood".

Atau pelacuran adalah perhubungan jenis oleh seorang wanita dengan orang yang bukan suaminya dan dengan persetujuan kedua-dua pihak dan/ atau majikan pelacur itu, untuk bayaran yang menjadi pendapatan atau sebahagian daripada pendapatan wanita pelacur itu.

Kita harus membezakan juga seseorang wanita yang dipaksa melacurkan diri oleh orang lain dengan seorang wanita yang melacurkan diri dengan sukarela. Walaupun persoalan ini masih belum banyak dibincangkan, Sagarin dan Montanino (1977: 3 - 15) telah menyatakan bahawa orang-orang yang melanggar norma-norma sosial kerana dipaksa oleh orang lain tidak mempunyai pilihan lain dan tidak suka melakukan perbuatan itu. Seterusnya, Sagarin dan Montanino juga membayangkan bahawa pelanggaran yang tidak disertai oleh kerelaan hati sendiri tidak harus dikeji dan dihina kerana perbuatan itu.

Jadi pelacuran melibatkan jualan, perkhidmatan seksual, pembeli yang bukan suami pelacur itu dan bayaran.

Jualan: Ini hendaklah dibezakan dari pemberian. Seorang jururawat yang mengadakan hubungan jenis dengan pesakit yang patah kedua-dua kakinya adalah memberi. Begitu juga perbuatan seorang gadis yang mengahwini seorang jutawan kerana cinta. Tetapi seorang gadis yang membenarkan dirinya ditiduri supaya mendapat kenaikan gaji adalah menjual. Ini menjadikannya seorang pelacur, kerana kenaikan gaji itu adalah satu bentuk bayaran.

Jualan juga semestinya melibatkan sembarang. Dengan ini pelacuran juga dilakukan secara sembarang (tanpa pilih), tetapi tidak semestinya sepenuhnya. Kalau ada kedai-kedai yang tidak melayani setengah-

setengah bakal pembeli, pelacur juga ada yang tidak melayani setengah-setengah pelanggan (Morris & Hawkins, 1970: 23; Weinberg, 1970; Lemert, 1951: 250). Untuk melakukan hubungan seks secara sembarangan juga, hubungan itu hendaklah tidak didasarkan kepada ikatan emosi yang berpanjangan di kedua-dua pihak. Di pihak pelacur, hubungan itu adalah dihadkan kepada hubungan perniagaan dan kalau pun ada ikatan emosi, perasaan itu hanyalah selama hubungan itu diadakan (McGaghy, 1976 : 349). Di pihak pelanggan pula, hubungan itu hanyalah untuk kepentingan seks semata-mata. Jadi seorang gadis yang tinggal bersama dan mengadakan hubungan seks dengan kekasihnya bukanlah seorang pelacur, walaupun kekasihnya itu pernah memberikannya hadiah-hadiah yang bernilai, kerana hubungan ini adalah didasarkan kepada tarikan emosi yang berpanjangan. Sebaliknya seorang gadis yang sanggup menjadi perempuan simpanan seorang taukeh supaya dapat hidup mewah dan senang adalah melacurkan dirinya. Dalam kes ini perkhidmatan seks dibayar dengan kemewahan hidup.

Dalam pada itu, tidak semua perempuan simpanan boleh dikelaskan sebagai pelacur. Ada juga gadis yang sanggup menjadi simpanan kerana ia cintakan lelaki yang menyimpannya, dan lelaki itu juga menyintainya.

Perkhidmatan seksual. Apa yang dijual oleh pelacur dan dibeli oleh pelanggannya bukanlah perhubungan seks saja, tapi juga perkhidmatan-perkhidmatan lain yang mempunyai kepentingan seksual (sexual significance) kepada pelanggan. Ini boleh meliputi setiap perbuatan yang mendatangkan kepuasan kepada pelanggan, walaupun setakat peluk-peluk saja tanpa perhubungan jenis.

Pembeli yang bukan suami. Perhubungan seksual dalam pelacuran adalah perhubungan haram. Kalau halal, ia bukan lagi pelacuran, dan yang halal ini hanyalah perhubungan seksual dengan suami. Oleh itu, ia bukan membeli perkhidmatan seksual. Adalah menjadi kewajipan seorang suami untuk memberi nafkah kepada isterinya. Dalam kes-kes di mana isteri itu menjadi pelacur sambilan samada dengan atau tanpa pengetahuan suaminya, perhubungan jenis yang dilakukan dengan suaminya bukanlah satu perbuatan pelacuran. Ia menjadi pelacur kepada orang lain.

Bayaran. Dalam pelacuran sukarela, bayaran adalah syarat utama untuk mendapatkan perkhidmatan seksual. Seorang pelacur tahu yang ia dibayar kerana perkhidmatan itu, dan pelanggan juga tahu yang ia membayar untuk mendapatkan perkhidmatan itu. Seorang perempuan yang menerima upah dari orang yang bukan suaminya kerana perkhidmatan lain tidak menjadikan seorang pelacur. Dengan ini, seorang amah yang diupah untuk menjaga anak-anak tuannya bukanlah seorang pelacur. Begitu juga seorang setiausaha yang diupah untuk membantu pakaian majikannya. Sebaliknya, jika seorang gadis wakil penjual insurans ~~yang~~ menawarkan badannya kepada seorang jutawan supaya jutawan itu membeli satu polisi insuran nyawa daripadanya, gadis itu

dalah melacurkan dirinya.

Jadi, dalam pelacuran, perkhidmatan seksual diberi kerana ada bayaran, dan bayaran itu diberi semata-mata untuk mendapatkan perkhidmatan itu.

PELACURAN DI MALAYSIA

Kita semua tahu bahawa pelacur-pelacur terdapat di hampir semua bandar di negara ini. Hampir setiap bandar mempunyai kawasan pelacuran sendiri (walaupun secara tidak rasmi). Di Alor Star pelacur-pelacur terdapat di Lorong Petani; di Bukit Mertajam, Jalan Mengkuang; di Pulau Pinang, Lorong Gaharu, Jalan Perlis, Jalan Irving, Jalan Melaka; di Kuala Kangsar, kawasan Lorong Haji Taib, Jalan Hicks, Jalan Walter Granier. Di Kota Bharu pula pelacur-pelacur ramai terdapat di Kampung Dusun; di Kuala Trengganu, Jalan Batas Baru dan di Kuantan, kawasan "pokok buluh". Ini adalah di antara tempat-tempat yang terkenal. Selain dari tempat-tempat ini, hotel-hotel dan bar-bar tertentu juga diketahui menjadi tempat pelacuran..

Namun demikian, tidak seorang pun tahu bilangan pelacur yang terdapat di negara ini (atau di negara-negara lain). Angka-angka yang diketahui adalah taksiran (estimates) atau bilangan yang ditangkap. Angka-angka yang adapun tidak selari. Shaik Mohamed (1976 : 15) semasa membuat kajian di Pulau Pinang pada awal tahun 1976, telah mentaksirkan terdapat seramai 450 orang pelacur di tigapuluhan (30) buah hotel. Zakaria Ismail (1976 : 7) yang juga membuat kajian di Pulau Pinang di waktu yang sama, pula menganggarkan bahawa terdapat seramai lebih kurang 296 orang pelacur yang bekerja sebagai pelayan bar di duapuluhan empat (24) buah hotel. Oleh kerana pelacur-pelacur di negara ini bergerak secara sulit dan tidak gemar mengheboh-hebohkan identiti dan pekerjaan mereka, tidak terdapat satu cara yang boleh digunakan untuk menentukan bilangan mereka.

Maklumat tentang cara hidup mereka juga tidak banyak tersebar keluar dari kumpulan mereka. Tidak seperti di negara-negara Barat, negara kita masih belum mempunyai kajian yang menandingi kajian oleh Alfred C. Kinsey et.al (1953) atau oleh The Vice Commission of Chicago (1911). Kita juga tidak mempunyai Kate Millet atau Maurice Anderson atau Helen Buckingham yang berjuang untuk kebijakan pelacur-pelacur. Di sini juga tidak terdapat pertubuhan-pertubuhan seperti PONY (Prostitute of New York), CYOTE (Call off Your Old Tired Ethics), ASP (Association of Seattle Prostitutes, PUSSI (Prostitutes United for Social and Sexual Integration) - sekarang dipanggil PLAN (Prostitute Laws are Nonsense) - PROS (Programme for Reform of the Law on Soliciting), iaitu satu pertubuhan yang terdiri dari pelacur, pekerja-pekerja masyarakat dan peguam. Ketiadaan kajian-kajian, individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan seperti ini merumitkan kerja-kerja mengumpul maklumat tentang pelacur dan pelacuran.

- profesional muda - yang baru menjadi pelacur

Masyarakat Malaysia mengetahui sedikit sebanyak tentang pelacuran dalam negeri melalui penulisan-penulisan pendek dalam akhbar dan majallah-majallah. Laporan beberapa kajian akademik dan yang lebih serius tidak disebarluaskan kepada awam. Badan-badan dan jabatan-jabatan yang menganjurkan kajian-kajian ini lebih suka untuk merahsiakan penemuan mereka. Mengapa, saya tidak tahu.

Di dalam membincangkan pelacuran, beberapa persoalan sering ditimbulkan. Mengapa seseorang perempuan menjadi pelacur? Apakah jenis-jenis pelacur yang didapati? Bagaimana mereka boleh jadi pelacur? Siapa pelanggan mereka? Berapa ringgit satu kali? Betulkah mereka dikawal oleh gangster? Dan banyak lagi soalan-soalan seperti yang ditanya. Dalam kertas ini saya akan membincangkan jenis-jenis pelacur, punca-punca yang menyebabkan wanita-wanita tertentu menjadi pelacur, proses menjadi pelacur, pemberian pelacuran dan sebagai penutup, kedudukan pelacur dan pelacuran dari segi undang-undang.

JENIS-JENIS PELACUR

Membahagikan pelacur-pelacur ke dalam jenis-jenis tertentu adalah satu perkara yang rumit. Ada penulis yang membahagi pelacur kepada penuh masa dan sambilan; ada juga yang membezakan pelacur-pelacur mengikut harga yang mereka kenakan. Kedua-dua asas pembahagian ini adalah kurang memuaskan. Adalah sukar untuk menentukan yang mana pelacur penuh masa dan yang mana pelacur sambilan. Adakah seorang gadis penganggur yang melacurkan dirinya tiga (3) kali seminggu dipanggil pelacur sepenuh masa? Atau adakah ia lebih kepada sambilan? Bagaimana pula dengan seorang pelayan bar yang bergaji tetap, tetapi yang melacurkan diri tiap-tiap hari dan pendapatan dari pelacuran lebih banyak dari gajinya? Adakah ia sepenuh masa atau sambilan? Begitu juga dengan harga. Dimanakah hendak dijadi garis perbezaan di antara pelacur harga murah, harga sederhana dan harga tinggi? Kalau kita ambil \$20/= sebagai salah satu garisnya, bagaimana dengan pelacur yang meminta \$15/= dari seorang pelanggan dan \$25/= dari pelanggan yang lain yang datang 30 minit selepas itu? Jadi pelacur itu menjadi pelacur harga murah dan juga harga sederhana.

Ben Reitman (1931) seperti dipetik oleh Elliot dan Merril (1941: 246 - 247) telah menggunakan kriteria umur dan kelamaan mereka menjadi pelacur, dan membezakan sebelas (11) jenis pelacur;

- pelacur remaja
- bakal pelacur - gadis-gadis yang menawarkan diri untuk bayaran dan juga dengan percuma
- pelacur amatir - pelacur yang masih diam di rumah ibubapanya

- profesional muda - yang baru menjadi pelacur
- profesional tua
- pekerja luar (field workers) - pelacur-pelacur pasar yang melayan pelanggan di hotel-hotel kecil atau yang melayan pelanggan di hotel-hotel besar dan murah
- the 'bats' - pelacur-pelacur tua
- 'gold diggers' - pelacur-pelacur yang bergerak dari hotel-hotel besar dan kediaman-kediaman mewah
- perempuan simpanan
- isteri yang curang
- pelacur panggil

Sebenarnya tidak terdapat kriteria yang memuaskan dan yang tidak mempunyai kelemahan untuk menjeniskan pelacur. Walau bagaimanapun, ramai sarjana-sarjana kriminologi dan sosiologi mengenai pelencungan membezakan pelacur-pelacur mengikut cara mereka mendapat pelanggan (Lemert, 1951 : 247 - 250; Weinberg, 1979 : 536 - 537; Clinard, 1974: 511 - 513, Julian, 1977 : 457; McCaghy, 1976: 349 - 453; James, 1977: 383 - 387; Goode, 1978: 333 - 335). Berdasarkan kepada kriteria ini, pelacur-pelacur di negara ini boleh dibahagikan kepada 6 jenis:

- pelacur pasar atau pelacur belakang mati
- pelacur jalanan (streetwalkers)
- pelacur bermajikan
- pelacur bar, coffee house, kelab malam dan rumah urut
- pelacur bebas, dan
- pelacur khas

Pelacur Pasar

Ini adalah kumpulan pelacur yang paling rendah dalam susun lapis masyarakat pelacur. Adalah dipercayai bahawa mereka ini merupakan golongan pelacur yang terbesar (McCaghy, 1976: 352), tetapi bukti yang kuat untuk mempertahankan dakwaan ini masih belum didapati.

Pelacur-pelacur ini menjalankan perniagaan mereka di lorong-lorong gelap dan di bangsal-bangsal yang terdapat dari kawasan-kawasan tertentu di sesuatu bandar-bandar. Di Kuala Lumpur dalam tahun 1960an, Ruslan Khatib (1966: 22 - 24) telah dapati bahawa pusat perniagaan mereka ialah di sekitar "Belakang Mati" iaitu kawasan yang sekarang ini diduduki oleh Wisma Yakin. Terdapat juga sedikit jual beli di sekitar Jalan Melaka dan Jalan Chow Kit. Sekarang ini, mereka banyak tertumpu di kawasan yang dilingkungi oleh Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Sri Amar, Jalan Raja Laut dan Jalan Chow Kit.

Untuk mendapat pelanggan, mereka ini duduk-duduk atau berdiri di pintu-pintu bangsal atau bilik masing-masing dan menunggu siapa saja yang hendak membeli perkhidmatan mereka. Bakal-bakal pelanggan menemui

Calah kerana ini adalah jenis pelacur yang bertaraf tinggi.

Mereka di sini dan setelah harga dipersetujui, (selalunya selepas tawar menawar) mereka berdua (pelacur dan pelanggannya) masuk ke bangsal atau bilik untuk acara seterusnya.

Pelacur Jalanan dan Petaling Jaya.

Untuk mengelakkan dari serbuan polis, pejabat-pejabat ini selalu dipindah-pindahkan.

Mereka ini "memburu" pelanggan dan boleh dibahagikan kepada tiga (3) jenis kecil; pelacur jalanan harga murah, harga sederhana dan harga mahal. Taraf pelacur jalanan harga murah tidak jauh berbeza dari pelacur pasar. Malah ramai penulis yang menggolongkan mereka ke dalam kategori yang sama (Sheedy, 1973: 30 - 32; Ruslan, 1966). Tetapi tidak seperti pelacur pasar, pelacur jalanan merayau-rayau mencari pelanggan. Apabila berjumpa dengan pelanggan, tawar menawar dilakukan di tempat itu juga (selalunya di lorong-lorong atau kakilima). Apabila harga disetujui, mereka berdua akan menuju ke mana-mana hotel harga murah yang terdekat untuk acara seterusnya. Jarang sekali pelacur jalanan harga murah ini sanggup memberi khidmatnya di rumah atau di bilik tempat tinggal pelanggan.

Pelacur-pelacur Pelacur jalanan harga mahal adalah pendatang baru ke dunia pelacuran, sekurang-kurangnya di negara kita ini, terutamanya di Kuala Lumpur. Kalau pelacur jalanan harga murah menjaja di sekitar kawasan-kawasan lama di sesuatu bandar, pelacur jalanan harga mahal ini menjaja (secara halus/discreet) di kompleks-kompleks beli belah, di pasar atau 'supermarket'. Mereka ini selalunya terdiri dari gadis-gadis dan isteri-isteri yang mahu mendapatkan wang lebih untuk membeli jam atau beg tangan atau 'jeans' baru. Harga selalunya tidak dibincangkan, kerana pelanggan-pelanggan seringkali sudah diberi maklumat oleh orang-orang yang mengetahui. Pelacur-pelacur ini juga sanggup memberi khidmat mereka di mana saja dibawa oleh pelanggan, tetapi sekiranya perkhidmatan itu diberi selepas membeli di pasar, masa bersama adalah terhad.

Pelacur Bermajikan

Jenis ini dikenal juga sebagai pelacur panggil. Mereka ini mempunyai seorang 'penganjur' yang berpejabat di sebuah rumah atau 'flat' yang sulit dan kelihatan seperti kediaman biasa, dan yang diketahui oleh orang-orang tertentu saja. Bakal-bakal pelanggan yang pergi ke tempat itu akan ditunjuk gambar-gambar gadis-gadis yang boleh dipanggil. Apabila pilihan dibuat, gadis itu dipanggil dengan talipon. Perkhidmatan diberi di salah satu bilik 'di pejabat' itu dan apabila selesai mereka meninggalkan tempat itu; gadis itu pulang ke tempatnya untuk menunggu panggilan seterusnya. Lazimnya, rumah-rumah ini tidak mengurus lebih dari sepuluh orang pelacur.

Oleh kerana ini adalah jenis pelacuran yang bertaraf tinggi, rumah-rumah ini terletak di kawasan-kawasan kediaman yang agak eksklusif seperti di rumah-rumah pangsa dan "bungallow" kelas menengah. Kawasan-kawasan yang dikaitkan dengan pelacuran jenis ini ialah Bukit Bintang, Walter Granier, Jalan Imbi, Jalan Cockrane, Sam Mansions, rumah pangsa di sekitar Wisma Mirama dan Petaling Jaya. Untuk mengelakkan dari serbuan polis, pejabat-pejabat ini selalu dipindah-pindahkan.

Satu lagi jenis pelacur panggil adalah yang bekerja dengan hotel-hotel kecil, tetapi hotel-hotel ini tidak mempunyai lebih dari 2 - 3 orang, kadang-kadang hanya seorang. Bakal pelanggan yang berminat bolehlah bertanya kepada penjaga hotel itu samada ia mempunyai perempuan atau tidak. Di sini tidak ada gambar untuk ditunjuk dan tidak ada pilihan. Tetapi gadis-gadis ini mempunyai paras dan bentuk badan yang memuaskan. Dalam tahun 1973, bayaran bagi perkhidmatan ini adalah \$50/= termasuk sewa bilik, tetapi tidak termasuk minuman.

Lain-lain bentuk pelacur bermajikan adalah "apartment prostitutes" (James, 1977: 385), "house girls" (Julian, 1977: 457) dan pelacur-pelacur "call house" (McCaghy, 1976: 350).

Pelacur Tukang Urut, Pekerja Bar dan Kelab Malam

Ini adalah satu lagi bentuk pelacuran yang meluas. Pada dasarnya, pelacur-pelacur ini didaftarkan sebagai pekerja tempat-tempat berkenaan. Walaupun ada tukang urut, pelayan bar dan kelab malam yang tidak menjual perhubungan seksual, ramai daripada mereka sanggup memberi perkhidmatan seksual jika bayarannya sesuai.

Pelacur Bebas (Free-Lancer)

Jenis ini adalah kumpulan elit di kalangan pelacur-pelacur. Mereka ini terdiri dari gadis-gadis pejabat, peragawati atau anak-anak dari keluarga kelas menengah dan mencari pelanggan di 'Coffee House', bar dan restoren-restoren eksklusif di hotel-hotel atau di lain-lain tempat, atau melalui 'personal introductions and referrals.' Di hotel-hotel atau restoren, setengah dari mereka mendapat kerjasama dari pelayan-pelayan lelaki. Mereka boleh disewa untuk satu perkhidmatan, untuk satu malam atau untuk dibawah bercuti selama beberapa hari (bayarannya hendaklah memuaskan). Tempat ia memberi khidmat adalah mengikut pilihan pelanggan. Pelanggan-pelanggan tetap boleh memanggil mereka melalui talipon dan mereka sanggup melayan pelanggan-pelanggan ini di kediaman mereka. Dengan pelanggan-pelanggan lain, keistimewaan ini tidak diberi.

Satu lagi variasi dalam golongan ini adalah apa yang dipanggil oleh James (1977: 385 - 386) sebagai "hotel prostitutes". Mereka ini adalah pelacur antarabangsa dan berpindah-pindah dari satu hotel ke satuh hotel dan dari satu negara ke satu negara.

Pelacur-pelacur bebas ini mempunyai bilangan pelanggan yang kecil dan boleh menolak bakal-bakal pelanggan yang tidak menarik minat mereka. Sebaliknya, mereka juga boleh diambil untuk dijadikan simpanan untuk beberapa bulan.

Pelacur Khas

Terdapat satu lagi kumpulan wanita pelacur yang boleh dipanggil "specialized prostitutes" (Goode, 1978 : 335). Ini terdiri dari gadis-gadis yang disewa oleh firma-firma dan pejabat-pejabat perniagaan untuk menemani dan melayan tetamu-tetamu khas. Tugas-tugas gadis-gadis ini tidak ditentukan, tetapi selalunya mereka diminta menemani tetamu khas itu ke kelab malam atau bersiar-siar - menghiburkan tetamu, dan ini mungkin termasuk hiburan seksual. Akan tetapi kata putus samada untuk memberi perkhidmatan seks atau tidak terletak kepada gadis itu sendiri. Segala perbelanjaan dibayar oleh pejabat.

Mengikut Goode (1978: 334), di kalangan pelacur-pelacur yang tersebut tadi, terdapat pula apa yang dipanggilnya "down and out, hand-to-mouth prostitutes". Jenis ini ramai terdapat di kalangan pelacur jalanan harga mahal dan pelacur bebas. Mereka menjual hanya apabila mereka ~~memerlukan wang untuk sesuatu tujuan apabila mereka kesesakan~~ kesesakan ~~wang untuk sesuatu tujuan~~.

MENGAPA WANITA-WANITA SECARA SUKARELA MENJADI PELACUR?

Ini adalah satu soalan yang kerap ditanya. Walaupun pelacur dan pelacuran dipandang keji, ramai juga wanita (dan lelaki) yang sanggup menjadi pelacur. Mengapa? Kalau kita tanya sesiapa saja, jawapan yang selalu diberi ialah kerana kemiskinan, kehilangan moral, diceraikan oleh suami, keruntuhan rumah tangga dan sebagainya. Akan tetapi kita tahu bahawa ramai juga wanita-wanita yang diceraikan, dimadu, yang miskin, mengalami keruntuhan rumah tangga dan yang hidup dalam masyarakat pemisif yang tidak menjadi pelacur. Jadi jawapan kepada soalan ini adalah lebih dalam daripada ini. Jennifer James (1978: 389 - 390) dalam mengkaji 26 penulisan (termasuk tulisannya sendiri) telah dapati sebab-sebab wanita menjadi pelacur boleh disenaraikan dari faktor-faktor ekonomi kepada kecuaian ibubapa hingga kepada kecacatan (Lihat Jadual 1).

Tidak semua faktur-faktur ini telah diterima oleh sriana-sriana, dan tidak semua menjadi pelacur kerana semua faktur atau semata-mata kerana sa Jadual 1

pelacur kerana dorongan akibat beberapa faktor. Dalam Jadual 1

dilengkapi dengan keterangan berkenaan

Sebab-Sebab Wanita Menjadi Pelacur

Ekonomi

Setiap penjelasan tentang mengapa ibu bapa memutuskan untuk bekerja tidak boleh tidak menyebutkan wanita sebagai peronda kelebihan suka menjadi kerani dan tidak menjadi bodoh. Kelebihan gaji kerani adalah lepas dari sebab-sebab yang bersifat bersifat untuk menarik wanita. Ia adalah anak kunci yang serupa ringgit sebuah. Tetapi orang-orang ini mem-

Beginilah keadaan wanita yang menjadi pelacur tidak kerana pelacur adalah wanita yang berada dalam keadaan

| | Ekonomi | Pujukan Muncikari (pimp) | Keadaan pekerjaan pelacur | Keseronokan (adventure) | Pengalaman Awal | Kecuaian/kezaliman ibubapa | Pekerjaan | Sebab biologikal/psikologikal | Kecacatan |
|---|--------------------|--------------------------|---------------------------|-------------------------|-----------------|----------------------------|-----------|-------------------------------|-----------|
| 1898 - Cesare Lombroso dan William Ferrero | | | | | | | | | x |
| 1936 - Tage Kemp Havelock Ellis | x | x | x | x | x | x | x | x | x |
| 1937 - Kingsley Davis | x | | | | | | | | x |
| 1958 - Harold Greenwald | x | x | | | x | x | x | x | |
| 1959 - Marshall Clinard | | | | | x | | x | | |
| 1960 - Edward G. Glover Jess Stearn | | | | | x | | x | x | x |
| 1961 - Theodore Rubin | | | x | | | | | x | |
| 1962 - Travis Hirschi | | | | | | | x | | |
| 1964 - Harry Benjamin dan R.E.L. Masters | x | x | x | x | | | | | x |
| | - Marc Hollender | | | | | | | x | |
| 1965 - Maryse Choisy | | | | x | | | | x | |
| | - Arnold S. Maerov | | | | x | x | | x | |
| | - Wardell Pomeroy | x | x | x | | | | | |
| | - Morey Segal | | | | | | x | | |
| 1966 - James Bryan | x | | x | x | | | | | |
| 1967 - Norman Jackman Richard O'Toole Gilber Geiss | | | | | | x | | | |
| 1968 - T.C. Esselstyn | x | x | | | x | | x | | |
| 1969 - Paul H. Gebhard | x | | | | | | | | |
| 1971 - Nanett J. Davis Charles Winick and Paul Kinsie | x | x | | x | x | x | | | x |
| 1972 - Jennifer James | x | x | x | x | x | x | x | | |
| 1973 - Diana Gray | x | | | x | x | x | | | |
| 1974 - Martha Stein | x | | x | x | | | | x | |
| 1975 - Karen Rosenblum | x | | | | x | x | | | |

Tidak semua faktur-faktur ini telah diterima oleh sarjana-sarjana, dan tidak semua menjadi pelacur kerana semua faktur atau semata-mata kerana salah satu faktur. Selalunya seseorang itu menjadi pelacur kerana dorongan gabungan beberapa faktur. Di sini saya membincangkan 2 faktur yang dapat dikaitkan dengan pelacuran sukarela.

Ekonomi

Setiap penjelasan mengapa seseorang itu memilih sesuatu pekerjaan tidak boleh tidak mesti melibatkan wang. Seorang pemuda lebih suka menjadi kerani dan tidak menjadi budak pejabat adalah kerana gaji kerani adalah lebih. Begitu juga halnya dengan orang-orang yang berebut-rebut untuk mendapat ijazah dari universiti; pada mereka ijazah itu adalah anak kunci kepada peluang pekerjaan yang bergaji seribu ringgit sebulan. Bukan tidak ada peluang pekerjaan lain, tetapi orang-orang ini memilih alternatif yang paling menguntungkan.

Beginilah keadaannya dengan pelacuran. Kebanyakan wanita menjadi pelacur bukan kerana mereka berada di dalam kepapaan, tetapi kerana pelacuran adalah satu alternatif yang terbaik bagi membolehkan mereka mencapai taraf hidup yang paling tinggi. Bagi seorang gadis berumur 18 tahun dan berpendidikan hanya setakat darjah 6, pelacuran merupakan satu sumber pendapatan yang paling lumayan. Dengan melacurkan dirinya ia dapat mengumpul berpuluhan-puluhan ringgit dalam tempoh beberapa jam saja. Ganjaran kewangan ini berganda-ganda lebih tinggi dari yang didapati dari pekerjaan-pekerjaan lain (Benjamin dan Masters, 1964: 93; Pomeroy, 1965 : 184; Esselstyn, 1968 : 129; Greenwald, 1970 : 199).

Kajian Zakaria (1976 : 123) di Pulau Pinang dapati bahawa hanya 4 orang pelacur yang berpendapatan kurang daripada \$400/= sebulan, dua puluh tiga (23) orang berpendapatan \$601/= hingga \$1,000/= dan 3 orang berpendapatan lebih dari \$1,000/= sebulan. Ini adalah sangat lumayan kalau diambilkira bahawa pada purata pelacur-pelacur yang dikaji hanya melayan pelanggan sebanyak 63 kali sebulan (2.1 kali sehari), dan mempunyai tingkat pendidikan formal yang rendah. Hanya 12 orang sahaja yang pernah ke sekolah menengah dan dari jumlah ini hanya 6 orang saja yang tamat pengajian menengah (tingkatan berapa tidak disebut).

Abdul Hadi (1975 : 95) pula telah dapati bahawa 48 orang atau 68.6% daripada pelacur yang dikajinya perolehi \$400/= ke atas sebulan dan 20 orang daripada ini memperolehi lebih daripada \$900/=. Ini diperolehi dari tidak lebih dari 16 orang pelanggan seminggu (2.3 orang sehari). Seterusnya, telah didapati bahawa dengan melayan tidak lebih dari 4 orang pelanggan seminggu, 43 orang dari mereka perolehi tidak kurang dari \$400/= sebulan, atau \$100/= seminggu.

Ini adalah pendapatan yang lumayan jika dibanding dengan taraf pendidikan mereka. Lebih daripada 75% daripada mereka (54 orang) mendapat pendidikan tidak lebih Tingkatan 5, iaitu 11 tahun di bangku sekolah. Daripada jumlah ini 23 orang berpendidikan setakat Tingkatan 3 dan 14 orang setakat sekolah rendah.

Taraf pendidikan yang rendah bererti tertutupnya peluang-peluang pekerjaan yang bergaji tinggi. Seorang kerani yang ber-kelulusan SRP/LCE diletak di tanggagaji D15 - \$235 x 15 - 310/325 x 15 - 370/395 x 25 - 495. Dengan kelulusan SPM/MCE ia dapat diletak di tangga C11 - \$295 x 25 - 345/370 x 25 - 645 x 30 - 705/765 x 40 - 925. Sekiranya ia (dengan kelulusan SRP/LCE) mula dengan gaji \$235 sebulan, mengikut kenaikan gaji biasa ia terpaksa bekerja selama 15 tahun untuk mencapai gaji \$495/= sebulan. Sekiranya ia mula bekerja semasa ber-umur 17 tahun, tanggagaji maksima ini akan dicapainya hanya apabila ia sudah berumur 32 tahun. Akan tetapi, besar kemungkinan wang sejumlah \$495 ini merupakan "gaji" permulaan sebagai seorang pelacur sukarela.

Jadi sekiranya seorang gadis seperti ini memilih untuk melacurkan diri atau menjadi kerani dan juga pelacur, ia bukan memilih di antara kelaparan dan makanan saradiri, tetapi memilih di antara \$250/= sebulan dengan \$250 seminggu. Di dalam masyarakat kapitalis sekarang di mana peluang-peluang pekerjaan bagi wanita tidak seluas peluang-peluang bagi laki-laki, dan hampir setiap orang menjadi penagih wang, pelacuran adalah satu pilihan yang bijak, tambah-tambah lagi apabila sudah terdapat kesedaran di kalangan wanita bahawa ia boleh:-

- menjadi lebih bebas daripada semata-mata menjadi penjaga rumah,
- mengumpul harta dan kekayaan,
- mencari pendapatan yang bebas dengan bekerja dan bermiaga, samada menjual barang atau dirinya sendiri.

Walaupun masih belum terdapat bukti-bukti yang nyata dan kuat, saya percaya bahawa pelacuran adalah satu pekerjaan yang paling menguntungkan.

Kajian telah menunjukkan bahawa wanita-wanita yang menjadi pelacur untuk tujuan kewangan tidak semestinya datang dari keluarga miskin, tetapi ada juga yang datang dari keluarga yang kaya raya. Dalam bulan Julai 1973, OCPD Kuala Lumpur telah memberitahu satu majlis dialog bahawa pihaknya pernah membuat serbuan ke atas sarang-sarang maksiat dan dapati anak-anak pegawai kanan kerajaan di sana (Utusan Malaysia, 13 Julai 1973). Di Pulau Pinang, Zakaria (m.s. 82)

dapati 16 orang daripada respondennya datang dari keluarga yang berpendapatan lebih dari garis kemiskinan. Begitu juga, Abdul Hadi (m.s. 50) dapati bahawa 20 orang daripada pelacur sukarela berasal dari keluarga yang berpendapatan \$600/= ke atas sebulan dan 14 daripada ini dari keluarga yang berpendapatan \$800/= ke atas.

Jadi pelacuran hari ini tidak lagi terhad kepada wanita-wanita papa. Wanita hari ini sudah sedar bahawa dalam masyarakat yang menghadkan peluang-peluang pekerjaan kepada wanita, pelacuran merupakan satu bidang perniagaan yang memberi pulangan kewangan yang tinggi.

Kebebasan dan keseronokan

Selain daripada tarikan kewangan, keadaan pekerjaan pelacur juga merupakan satu tarikan yang kuat. Di negara-negara Barat, kebebasan dan keseronokan dalam pelacuran sukarela sering disebut sebagai pendorong yang kuat. Rosenblum (1975 : 177) dapati bahawa faktor-faktor yang menarik wanita-wanita menjadi pelacur adalah kebebasan dan wang. Demikian juga pendapat pengkaji-pengkaji lain seperti Benjamin dan Masters (1964), Esselstyn (1968) dan Nanette Davis (1971). Diana Gray (1973 : 410 - 411) dapati bahawa gadis-gadis belasan tahun di Seattle, Washington, menjadi pelacur kerana mereka tertarik dan terpedaya oleh berita-berita tentang keseronokan dan kegemilangan dalam dunia pelacuran.

Di negara kita ini, satu tinjauan yang dilakukan dalam tahun 1973 telah menyebut bahawa di antara punca-punca gadis-gadis (kampung) tercebur ke dalam sarang pelacuran adalah kerana ingin menikmati hidup sebebas-bebasnya dan sebagai satu hobi di kalangan gadis-gadis 'frust' dan janda-janda.

Di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, Abdul Hadi (1975 : 31) telah dapati bahawa 28.5% dari pelacur-pelacur sukarela harga mahal memilih pekerjaan itu kerana mencari keseronokan dan hampir 3% lagi kerana mahu lari dari kongkongan keluarga atau penjaga.

Bagi wanita-wanita yang percaya kepada "Women's Liberation" dan sukaan gaya hidup bebas, seronok, "glamorous" dan senang mendapatkan wang, pelacuran adalah satu lapangan yang menarik. Segala apa yang dilakukan oleh pelacur sukarela, terutama pelacur-pelacur harga tinggi, melambangkan kebebasan; harga perkhidmatan mereka dan pendapatan mereka yang tinggi, mereka mampu menentang kecaman masyarakat, mereka dapat mencegah diri mereka dari penglibatan emosional yang berkekalan dengan pelanggan-pelanggan mereka, mereka mendapat bayaran dari perbuatan/perkhidmatan yang diberi percuma oleh ramai gadis-gadis lain dan mereka sendiri yang menentukan berapa banyak wang yang mencukupi untuk keperluan.

mendapat perkhidmatan mereka. Ini adalah "liberation" (Abdul Hadi, 1978 : 43 - 46).

Bagi wanita-wanita ini kebahagian dan keselamatan berumah-tangga tidak dapat menandingi kebebasan ekonomi, bergaul, berseronok dan berhibur yang boleh dicapai melalui pelacuran.

MENJADI PELACUR

Walaupun keinginan untuk cepat dan untuk hidup bebas begitu mendadak, seseorang wanita itu tidak mungkin menjadi pelacur dengan sewenang-wenangnya. Sebelum ia melangkah ke dunia pelacuran ia harus memenuhi beberapa syarat yang dikira sangat perlu untuk menjadiseorang pelacur sukarela yang berjaya.

Pengalaman dalam perhubungan seks

Kajian di Barat dan di Malaysia telah dapati bahawa wanita-wanita yang secara sukarela menjadi pelacur memang sudah mempunyai pengalaman dalam perhubungan jenis (Davis, 1971; Carns, 1973; Gray, 1973; Zakaria, 1976). Pengalaman ini tidak semestinya didapati semasa masih kecil/kanak-kanak atau secara paksaan, tetapi boleh didapati beberapa tahun sebelum menjadi pelacur dan dilakukan secara sukarela.

Gray (m.s. 407) telah melaporkan perhubungan seks pertama dilakukan oleh pelacur-pelacur yang dikajiannya adalah semasa mereka dalam lingkungan umur 12.9 tahun dan gadis-gadis kulit hitam merasainya 2 tahun lebih awal dari gadis-gadis kulit putih. Malangnya, kita di negara ini masih belum mempunyai kajian seperti ini, tetapi Abdul Hadi (1975) telah dapati bahawa salah seorang pelacur yang ditemuduganya pertama kali mengadakan hubungan seks semasa berumur 14 tahun, dan tinjauan akhbar Mingguan Malaysia (20hb. Mei 1973) dapati bahawa seorang pelacur telah mula-mula melakukan persetubuhan semasa berumur 15 tahun. Sebaliknya, kajian-kajian tempatan banyak dapati bahawa ramai juga pelacur-pelacur mendapat pengalaman persetubuhan akibat dirogol dan di dalam perkahwinan. Zakaria telah dapati seorang dari respondennya menjadi pelacur selepas ia dirogol dan 6 orang (17.3%) kerana diceraikan oleh suami atau setelah suami masing-masing telah meninggal dunia (1976 : 74 - 79). Abdul Hadi dapati bahawa 13 orang (18.6%) dari responden-respondennya telah berpisah dari suami masing-masing.

Pengalaman seks sukarela di luar nikah, sekiranya diketahui oleh orang lain, atau menjadi mangsa rogol atau diceraikan oleh suami mempunyai kesan yang tidak menyenangkan ke atas wanita-wanita berkenaan. Perhubungan seks luar nikah menjatuhkan kedudukan seseorang

gadis (dan keluarganya) di dalam komuniti. Gadis ini dan gadis yang dirogol dianggap sebagai "kotor", gatal dan "miang", dan sering kali mereka diusir keluar dari keluarga dan kampung. Kadangkala wanita yang diceraikan juga dipandang serong, tidak sempurna dan bersalah. Di tahap ini, pekerjaan-pekerjaan yang kurang dihormati seperti pelayan bar dan kelab malam, pelayan menari, pemandu pelancung, "social escort" dan pelacuran mula dilihat sebagai jalan keluar yang menarik. Penerimaan pelacuran sebagai cara hidup lebih senang lagi sekiranya gadis itu, terutama yang datang dari keluarga yang tidak tenteram, telah merasai apa yang dipanggil oleh Greenwald (1970 : 167) sebagai "early rewarded sex", iaitu mendapat hadiah melalui penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti seksual dengan orang-orang dewasa.

Akan tetapi harus diingati juga bahawa tidak semua gadis yang berpengalaman dalam perhubungan seks, yang dirogol dan yang diceraikan menjadi pelacur. Namun demikian pengalaman ini memudahkan pergerakan di dalam pelacurian kerana perasaan "kotor" dan "hina" sudah dirasai (Gray, 1973 : 406; McCaghy, 1976 : 355).

Penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti seks di luar nikah dikatakan berpunca dari pergaulan bebas teruna dara, ibubapa atau penjaga yang pemisif dan cuai yang menyebabkan kegagalan ibubapa atau penjaga mengawal gerakgeri anak-anak mereka (Greene & Esselstyn, 1975 : 283). Di dalam keluarga-keluarga lain pula, anak-anak gadis menjadi liar kerana menentang ibubapa yang jahat tetapi pura-pura berkelakuan baik di hadapan anak-anak (Ackerman, 1969 : 49) dan kerana menentang disiplin keluarga yang terlalu ketat (Friedman, 1969 : 124; Julian, 1977 : 462). Gadis-gadis yang sanggup melakukan perhubungan jenis sebelum nikah pula membuat demikian sebagai satu cara untuk mengikat lelaki itu kepadanya (Ackerman, 1969 : 48).

Bertentangan dengan pandangan awam, perpecahan keluarga¹ tidak menjadi satu faktur penting dalam penglibatan anak-anak gadis keliaran seksual dan pelacuran (Reid, 1976 : 197 - 199; Sutherland and Cressey, 1978 : 211 - 227). Di kalangan 70 orang pelacur sukarela yang dikaji oleh Abdul Hadi (1975 : 43), 41.7% datang dari keluarga yang lengkap; di Pulau Pinang, 57.1% (Zakaria : 80), dan di kalangan penghuni-penghuni Pusat Pemulihan Wanita dan Gadis di Kuala Trengganu, Shamsiah Abdullah mendapati bahawa bilangan pelacur yang datang dari keluarga "normal" hampir sama ramai dengan yang datang dari keluarga

¹ Perpecahan keluarga di sini digunakan mengikut penggunaan Kementerian Kebajikan Am, Malaysia, iaitu dengan maksud satu keluarga di mana salah seorang ibubapa kandung tidak hadir di dalam rumah tangga itu.

yang berpecah-belah (1977 : 83). Kalau keadaan rumahtangga atau keluarga boleh dikaitkan dengan keliaran dan kebebasan seksual, keadaan ini bukannya perpecahan rumahtangga atau keluarga, tetapi mutu hubungan di kalangan anggota rumahtangga atau keluarga itu, terutama di antara anak-anak dengan ibubapa/penjaga. Kajian telah dapati bahawa lebih banyak kenakalan dilakukan oleh kanak-kanak yang datang dari keluarga yang tidak aman (Abrahamsen, 1952), yang tidak kuat terikat dengan ibubapa (Hirschi, 1969 : 103) dan yang ibubapa tidak ambil berat tentang hal dan keadaan mereka (Gray, 1973 : 405). Keadaan begini menyebabkan anak-anak benci kepada ibubapa atau penjaga, tidak suka berada di rumah dan sentiasa mencari kesempatan dan alasan untuk keluar.

Bertentangan dengan ini pula ialah suatu penemuan kajian *yang dibuat oleh Kementerian Kebajikan Am Malaysia ke atas penghuni-penghuni Pusat Pemulihan Wanita dan Gadis di Kuala Trengganu dan Cheras. Telah didapati bahawa 65.0% dari wanita-wanita dan gadis-gadis di pusat-pusat ini tidak benci kepada ibubapa atau penjaga mereka (1974 : 17). Jadi hubungan di antara keliaran dan keadaan rumahtangga atau keluarga adalah satu perkara yang mengelirukan.

Perdampingan dengan orang-orang yang ada kaitan dengan pelacuran

Dalam kebanyakan kes, peralihan daripada pengalaman dan kebebasan seks kepada pelacuran disertai bersama oleh perdampingan dengan orang atau orang-orang yang ada kaitan dengan pelacuran seperti muncikari (Procurers), pengusaha-pengusaha bilik, tempat atau rumah sundal (brothels) dan pelacur-pelacur lain. Setengah-setengah gadis dengan sengaja mencari orang-orang ini sebelum membuat keputusan untuk melacur. Shamsiah Abdullah (1977 : 54) telah dapati bahawa daripada 46 orang yang mengaku menjadi pelacur, 15 orang telah mula dengan bergaul dengan kawan-kawan yang sudah menjadi pelacur, 4 orang dengan ahli-ahli kumpulan haram dan 6 orang telah berdamping dengan "ibu ayam".

Melalui pergaulan ini bakal-bakal pelacur mengenali dan diperkenalkan dari jarak dekat cara hidup, kebebasan dan keseronokan yang disediakan oleh dunia pelacuran. Mereka juga dibentuk supaya lebih cenderung ke arah menjual dan tidak memberi dengan percuma perkhidmatan seksual mereka dan supaya lebih tergamak menerima wang dari orang yang menikmati tubuh mereka seperti seorang pekedai menerima wang dari seorang pembeli. Ini tidak bererti peringkat latihan dan perantisan yang memakan masa 2 - 8 bulan yang selalu disebut-sebut oleh pengkaji-pengkaji Barat dilalui oleh pelacur-pelacur Malaysia. Di negara ini, gadis-gadis yang mahu melacur hanya meminta nasihat tentang cara-cara untuk mendapat lebih ramai pelanggan. Malah Zakaria dapati bahawa ada juga pelacur yang tidak pernah menerima sebarang nasihat atau panduan, apa lagi latihan.

Sebenarnya di kalangan pelacur-pelacur sukarela, latihan dan perantisan adalah tidak perlu. Oleh kerana mereka telah mengalami aktiviti-aktiviti seksual, setengahnya secara bebas (promiscuous), sejak sebelum melangkah ke dalam pelacuran, mereka sewajarnyalah sudah masak dengan selok-belok dalam perbuatan itu; dari mencari dan melayan pelanggan, menentukan harga dan mencegah hamil kepada menjaga kebersihan diri dan berlagak sebagai gadis biasa (bukan pelacur) dalam khalayak ramai. Kepada gadis-gadis ini pelacuran adalah penamat yang menguntungkan bagi kebebasan seksual.

Ada juga wanita dan gadis menjadi pelacur melalui perdampingan dengan sesuatu bentuk pekerjaan (Esselstyn, 1968 : 129; James, 1977 : 398). Pekerjaan-pekerjaan seperti penari kelab malam, pelayan bar, tukang urut dan peragawati menghendaki wanita-wanita menggunakan daya tarikh seks mereka. Selain daripada itu, pekerjaan-pekerjaan ini juga (selain daripada peragawati) membolehkan "physical contact" dengan lelaki, semasa menjalankan tugas, dan dengan ini membolehkan raba-meraba, ajak-mengajak dan tawar-menawar. Zakaria telah dapati bahawa terdapat pelacur-pelacur yang mula bekerja sebagai penari kelab malam di mana mereka telah mula mengadakan perhubungan seks dengan lelaki, mula-mula dengan percuma, dan kemudiannya dengan menuntut bayaran. Apabila mereka merasakan diri mereka telah terlibat dengan kegaitan pelacur dan telah sedar bahawa hasilnya lebih lumayan daripada menjadi penari kelab malam, mereka membuat keputusan untuk lebih giat dalam pelacuran dan terus menjadi pelayan bar.

Ada juga gadis-gadis pejabat, terutama pejabat perniagaan, yang mula dengan menunaikan permintaan "boss" untuk menemani tetamu atau bakal pelanggan atau teman perniagaan dari luar. Atas permintaan pelawat ini, boss mungkin meminta jasa baik gadis pejabatnya. Ada kemungkinan gadis itu bersetuju melayani permintaan itu, mungkin kerana ia (gadis) percaya kepada pergaulan bebas dan pelawat itu kacak juga orangnya, atau kemungkinan kerana ia takut dimarahi oleh "boss" sekiranya ia menolak. Tertakluk kepada pengalaman gadis itu, pertemuan seperti ini mungkin atau mungkin tidak berakhir dengan perhubungan jenis, tetapi sekiranya tetamu atau pelawat tadi berpuashati dengan layanan yang telah diberi, "boss" mungkin menghadiahkan gadis itu dengan barang yang bernilai, kenaikan gaji, wang tunai dan cuti. Sekiranya permintaan, persetujuan dan hadiah ini berulang beberapa kali gadis itu mungkin akan sedar bahawa ia sebenarnya mendapat keuntungan yang berlipat ganda dengan melayan lelaki dan membuat keputusan untuk terus bersedia melayan tetamu atau pelawat. Ini menjadikannya seorang pelacur khas. Sekiranya ia secara persendirian sanggup mengatur dan sanggup melayani dan mengadakan perhubungan jenis dengan lelaki lain, ia sudah menjadi pelacur bebas.

PENGEKALAN DAN PEMBIAKAN PELACURAN

Setelah meneliti proses peralihan dari perhubungan seks sambil lalu (casual) kepada menjadi pelacur profesional, adalah wajar kita tinjau punca-punca yang boleh mengekalkan dan membiakkan pelacuran dalam masyarakat. Kita tahu bahawa pelacuran ditentangi semenjak ia mula ujud lagi (kita tidak tahu bila), tetapi nampaknya kian kuat ia ditentangi dan diperangi, kian cepat ia membiak. Kalau pelacuran adalah satu bentuk perniagaan, maka faktur-faktur yang membolehkan perkembangan perniagaan lain adalah juga faktur-faktur yang membantu membiakkan pelacuran. Dalam perusahaan dan perniagaan terdapat kemudahan-kemudahan yang menggalakkan sesuatu bentuk perniagaan, seperti "tax holiday" dan pengecualian cukai impot atau ekspot, terdapatnya permintaan yang tinggi, berbagai bentuk iklan dan ketiadaan undang-undang yang melarang bentuk perniagaan itu. Faktur-faktur yang hampir sama dengan ini semua juga terdapat dalam pelacuran.

Kemudahan-kemudahan

Faktur-faktur yang memudahkan pelacuran termasuklah alat-alat pencegah hamil dan penyakit dan kemudahan-kemudahan fizikal yang membolehkan perniagaan dilakukan tanpa diketahui oleh orang ramai. Sebelum perkembangan ilmu perubatan moden, teknik-teknik pencegahan hamil tradisional sudahpun diamalkan dengan meluas. Dengan perkembangan perubatan moden, teknik-teknik dan alat-alat untuk tujuan ini dan galakkan untuk menggunakan mereka bertambah berlipat ganda dan dibekalkan ke setiap rantau. Secara tidak langsung, pelacuran juga menerima faedah dari kempen-kempen perancangan keluarga. Kini, sekiranya alat pencegah hamil gagal, gadis berkenaan masih boleh menggunakan kemahiran bomoh, bidan dan doktor-doktor untuk menggugurkan kandungannya. Jadi kemungkinan mengandung dan melahirkan anak luar nikah tidak lagi menakutkan wanita-wanita dan gadis-gadis pelacur atau yang mengamalkan perhubungan seks bebas.

Cara dan tempat perhubungan jenis dilakukan, samada yang biasa dan halal maupun yang tidak "normal" dan haram, juga mehentukan perbuatan itu tidak diketahui oleh masyarakat awam. Kita tahu bahawa perhubungan jenis lazimnya dilakukan hanya oleh 2 orang di tempat-tempat yang tersembuni atau yang tertutup. Cara ini masih belum banyak berubah hingga ke hari ini (walaupun sudah terdapat apa yang dikatakan sebagai "group sex"). Dalam masyarakat kini kemudahan-kemudahan ini kian bertambah. Kita sekarang mempunyai talipon untuk membuat perjanjian, ada kereta untuk pergi ke tempat perkhidmatan dengan segera, dan untuk, dengan segera juga, meninggalkan tempat itu setelah jual-beli selesai. Terdapat juga hotel-hotel di mana jual-beli ini dapat dilakukan tanpa gangguan. Seterusnya,

- (iii) Lelaki yang tidak matu terikat dengan tanggungjawab
sikap "aku dengan aku, engkau dengan hal engkau" yang sedang merebak di
(iv) masyarakat kita membolehkan seribu satu macam pelanggaran dan maksiat
dilakukan tanpa segan silu (Abdul Hadi, 1975 : 64 - 68; Clinard,
(v) 1974 : 46 - 57).

Permintaan

Sepertimana dalam perniagaan-perniagaan lain, permintaan dalam pelacuran datang dari manusia-manusia yang memerlukan dan membeli perkhidmatan atau barang yang ditawarkan. Tetapi maklumat tentang permintaan dan pelanggan pelacuran adalah sangat sedikit. Dalam tahun 1948, Alfred Kinsey, Wardell Pomeroy dan Clyde Martin telah menganggarkan bahawa di dalam bandar seramai 100,000 orang penduduk, 3,190 perhubungan seksual pelacur-pelanggan berlaku dalam satu minggu. Mengikut anggaran Harry Benjamin (1973) pula, terdapat 8 hingga 12 juta hubungan seks pelacur-pelanggan dalam satu minggu di Amerika Syarikat. Di Pulau Pinang seorang pelacur bar memberi 63 perkhidmatan hitung panjang sebulan. Ini bererti kalau terdapat 400 orang pelacur, 25,200 hubungan seks pelacur-pelanggan dilakukan sebulan. Di kalangan pelacur harga mahal di Kuala Lumpur, lebih kurang 7% mengadakan di antara 45 hingga 60 perkhidmatan sebulan, 7% lagi di antara 28 hingga 32 perkhidmatan dan 31% memberi 4 hingga 8 perkhidmatan. Kalau kita menggunakan kadar Kinsey, Pameroy dan Martin di atas, akan terdapat 15,950 hubungan pelacur-pelanggan seminggu di Kuala Lumpur (penduduk ± 500,000) atau 83,800 sebulan. Kalau satu hubungan berharga \$20/=, maka sejumlah \$1,676,000/= masuk ke tangan pelacur-pelacur di Kuala Lumpur dalam satu bulan, semuanya tanpa dikenakan cukai pendapatan. Macam mana pelacuran tidak menarik?

Sudah tentu tujuan asas seseorang itu mencari pelacur adalah untuk melepaskan nafsu seks. Mendapatkan perkhidmatan pelacur adalah lebih selamat dari merogol dan lebih senang dan murah dari mencari gadis-gadis "promiscuous" yang bukan pelacur. Jennifer James (1978: 403 - 409) telah mensemaraikan 11 kategori lelaki yang selalu melepaskan nafsu seks mereka dengan pelacur: **Ini termasuklah:**

(i) Yang tertarik kepada berbagai jenis wanita:

Ada lelaki yang tertarik kepada wanita yang berambut panjang dan pendek, berkulit hitam dan juga putih, berbadan besar dan juga kepada yang kurus. Semua jenis ini terdapat dalam pelacuran.

(ii) Yang suka kepada gaya seks yang berbeza, tetapi takut

atau malu untuk memintanya dari isteri atau teman wanita.

- (iii) Lelaki yang tidak mahu terikat dengan tanggungjawab berkeluarga mencari pelacur.
- (iv) Lelaki yang berkelahi dengan isteri atau teman wanita dan mencari pelacur untuk melepas geram.
- (v) Lelaki yang sentiasa di dalam perjalanan seperti peniaga, anak-anak kapal, anggota angkatan tentera, pekerja-pekerja migrant. Zakaria (m.s. 104) telah dapati bahawa 52.3% daripada jumlah hubungan seks pelacur-pelacur di kalangan pelacur bar di Pulau Pinang dilakukan dengan anggota tentera dari pengkalan udara Butterworth dan 28.6% dengan anggota tentera laut dan anak-anak kapal. Hanya 19.1% dilakukan dengan orang-orang lain.
- (vi) Ada juga lelaki yang menggunakan pelacur semata-mata kerana ia tahu perbelanjaannya akan dibayar oleh orang lain.

Permintaan yang sentiasa tinggi juga adalah kerana nafsu seks manusia lelaki ujud setiap waktu dan wanita pula boleh menerima lelaki hampir setiap hari. Jadi, lelaki yang tidak boleh mengawal desakan ini akan sentiasa mencari dan kalau jalan yang halal tidak didapatinya, ia mungkin mencari yang kurang diterima/tidak halal termasuk melepaskan nafsunya dengan pelacur.

Seperti di dalam perniagaan lain, pelacuran juga mempunyai beberapa cara untuk mendapatkan pelanggan. Di Pulau Pinang penarik beca menjadi orang tengah yang penting. Apabila seorang bakal pelanggan menyatakan hasratnya, penarik beca ini akan membawa lelaki itu dari satu bar ke satu bar sehingga lelaki itu memilih seorang pelacur. Untuk perkhidmatan ini penarik beca itu mendapat komisyen antara \$3.00 - \$5.00. Akan tetapi 61.5% dari hubungan pelacur-pelanggan diatur melalui penjaga hotel atau muncikari (Zakaria 1976: 106 - 112). Di Kuala Lumpur, pelacur-pelacur harga mahal mendapat pelanggan melalui empat (4) sumber - mencari sendiri, melalui pelacur-pelacur lain, melalui muncikari dan melalui pelanggan-pelanggan lain.

Peranan Muncikari, Kendak dan "Madams"

Bertentangan dengan anggap awam, penglibatan muncikari, kendak dan "madams" dalam pelacuran sukarela adalah di peringkat yang paling minima. Kendak bergerak cergas hanya di dalam pelacuran paksa. "Madams" atau orang yang menguruskan dan mengendalikan tempat-tempat sundal-sundal atau penjaga-penjaga hotel yang membenarkan pelacuran di hotelnya hanya bertugas sebagai "organiser" atau penganjur yang bergaji sahaja. Campurtangan orang-orang ini di dalam hidup pelacur

adalah setakat menjaga keselamatan dan memberi nasihat dan ingatan tentang kesihatan organ-organ jantina. Selain daripada ini, pelacur-pelacur adalah bebas asalkan mereka boleh dihubungi apabila dikehendaki.

Apa yang kita dengar tentang orang-orang yang dieksplotasikan pelacur-pelacur sebenarnya adalah anggota-anggota kumpulan haram yang bergerak di kawasan itu. Dalam hal ini juga, "contact" secara langsung di antara orang-orang ini dan pelacur-pelacur sukarela adalah paling minima. Kekacauan berlaku hanya apabila seseorang, atau suatu kumpulan pelacur atau seorang penganjur suatu tempat sundal gagal atau enggan membayar wang perlindungan. Setakat yang perlu, kumpulan-kumpulan haram dan pelacur-pelacur atau penganjur-panganjur pelacur mengatasi masalah-masalah mereka dengan cara-cara yang tidak menyalahi undang-undang jenayah kerana kedua-dua pihak ini mahu mengelakkan kehadiran atau campurtangan polis di kawasan mereka.

Pelacuran dan Undang-Undang

Di negara ini, pelacuran sukarela oleh seorang perempuan yang berumur 21 tahun ke atas tidak dilarang oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 melarang pelacuran oleh perempuan yang berumur kurang daripada 21 tahun, pelacuran paksa dan panganjur, penglibatan orang lain dalam pelacuran dan sebahagian besar daripada aktiviti-aktiviti yang perlu untuk memperaktikkannya. Akibatnya, walaupun Akta ini tidak melarang pelacuran sukarela, banyak daripada peruntukan-peruntukannya yang bertujuan untuk melindungi wanita dan gadis (termasuk pelacur), sebenarnya oleh menindas orang-orang ini.

Kita lihat sebahagian daripada larangan-larangan ini dengan lebih terperinci.

Seksyen 7(1)(C) mengatakan bahawa seorang perempuan di bawah umur 21 tahun yang "pada lazimnya ada bersama-sama dengan atau berada di bawah kawalan..... orang-orang yang bekerja dengan atau ada mempunyai kepentingan secara langsung dalam urusan yang dijalankan di rumah-rumah sundal atau berkenaan dengan pelacuran," boleh ditahan di suatu tempat perlindungan. Peruntukan ini boleh menyelamatkan ramai anak-anak gadis teraniaya, tetapi Akta ini tidak pula menyebut tentang nasib seorang gadis bukan-pelacur berumur 19 tahun yang tinggal (dan oleh itu dikawal oleh) bersama ibunya yang menjadi seorang pelacur. Mengikut Seksyen ini, gadis ini boleh ditahan. Bukan setakat ini saja; sekiranya gadis ini disarai oleh ibunya itu, gadis ini boleh dituduh melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 19(1) yang

terdapat dalam akta berbagai perampuan, atau mengajukan rumah-rumah sundal, atau hidup atas pendapatan pelacur lain tanpa berbunyi:

"Seseorang yang dengan diketahuinya hidup dengan sepenuhnya atau sebahagiannya atau pendapatan dari pelacur seorang lain adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan di-kenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada 5 tahun atau denda tidak lebih daripada \$10,000/- atau penjara dan denda itu kedua-duanya."

Larangan seperti ini boleh menyebabkan keadaan yang serbasalah. Sekiranya seksyen-seksyen ini ditujukan khas bagi orang-orang yang bukan menjadi tanggungan pelacur itu, maka saya kira masanya sudah tiba maksud ini ditulis dengan lebih spesifik.

Peruntukan ini juga seolah-olah memaksa pelacur-pelacur hidup sebatang kara. Kalau ia selalu berdamping atau tinggal dengan seorang atau lebih pelacur lain, ia boleh dituduh mengawal pergerakan perempuan itu atau membantu, menyubahati atau memaksa pelacurannya atau pelacuran mereka dan hidup atas pendapatan dari pelacuran mengikut seksyen 19(3) yang berbunyi:

"Jika seseorang dibuktikan sebagai hidup bersama dengan atau lazimnya bersama dengan seorang atau beberapa orang pelacur atau sebagai telah menjalankan kawalan, arahan atau pengaruh ke atas pergerakan seorang atau beberapa orang pelacur dengan cara menunjukkan bahawa orang itu adalah membantu, menyubahati atau memaksa pelacurannya atau pelacuran mereka dengan seseorang lain atau pada amnya, maka orang itu hendaklah jika tidak dibuktikan sebaliknya disifatkan sebagai hidup dengan diketahuinya atas pendapatan dari pelacuran."

Sekiranya ia tinggal bersama lelaki, lelaki itu juga boleh dituduh di bawah seksyen ini.

Pelacur-pelacur sukarela juga tidak dibenarkan memburu pelanggan. Seksyen 16(1)(j) melarang mengiklankan atau menawarkan seseorang perempuan bagi maksud pelacuran, dan seksyen 22 melarang mengajak-ajak di tempat tumpuan awam yang didefinisikan sebagai sebuah tempat yang pada masa itu boleh dimasuki oleh orang awam. Ini bererti undang-undang menghendaki pelanggan-pelanggan datang sendiri ke tempat-tempat pelacur tanpa menggunakan orang tengah dan pelacur itu hendaklah menguruskan perjumpaan itu tanpa pertolongan orang lain.

Terdapatnya rumah-rumah sundal yang banyak di Kuala Lumpur ini menunjukkan bahawa Akta ini tidak dapat dikuatkuasakan sepenuhnya, atau boleh diputabelitkan, atau tidak menakutkan. Penguatkuasaan sepenuhnya Akta ini sudah tentu tidak mungkin kerana polis mempunyai tugas-tugas lain yang lebih penting dalam menentukan keselamatan awam.

Juga, terdapat berbagai cara bermiaga perempuan, atau menganjurkan rumah-rumah sundal, atau hidup atas pendapatan pelacuran lain tanpa melanggar larangan-larangan yang ditentukan oleh Akta ini. Kita sentiasa mendengar berita bagaimana orang-orang yang berlagak sebagai pegawai mengahwini gadis-gadis kampung dan, setelah kembali ke bandar, memaksa isteri mereka melacur, atau menjual isteri bagi digunakan untuk maksud pelacuran. Kalau pelacur-pelacur tidak dibenarkan mengajak-ajak di tempat-tempat awam, mereka boleh menggunakan talipon. Juga, adalah sangat sukar untuk mengesan rumah-rumah kediaman yang digunakan sebagai rumah sundal.

Hukuman yang boleh dikenakan ke atas seseorang yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini adalah kurang menakutkan. Hukuman maksima bagi kebanyakan kesalahan pertama adalah \$10,000/= atau penjara tidak lebih dari 5 tahun atau denda dan penjara kedua-duanya. Tetapi dalam praktiknya hukuman maksima jarang sekali dikenakan. Begitu juga hukuman sekali gus denda dan penjara. Walaupun seorang pengurus rumah sundal didenda \$8,000/=, sekiranya ia mempunyai 10 orang pelacur dan setiap orang melayan 10 orang pelanggan sehari dengan harga \$30/= sekali, denda ini boleh dibayar dengan hasil 3 hari melacur sahaja. Ini tidak menimbulkan sebarang masalah.

Akta ini sedikitpun tidak menyentuh perlakuan lelaki yang menjadi pelanggan, walaupun kita tahu bahawa dalam pelacuran pelanggan merupakan komponen yang sama penting dengan pelacur itu sendiri. Selagi peranan pelanggan diabaikan oleh undang-undang yang berkuatkuasa, selama itulah pelacuran tidak dapat dikurangkan.

Rujukan

Bahan-bahan tercetak:

- Abdul Hadi Zakaria, "Pelacuran Sukarela Sebagai Women's Liberation," Manusia dan Masyarakat, Jilid I, 1978: 43 - 46.
- Abrahamsen, David, Who Are The Guilty? A Study of Education and Crime, N. York: Holt, Rinehart and Winston, 1952.
- Ackerman, Nathan W., "Sexual Delinquency Among Middle-Class Girls," Otto Pollack & Alfred S. Friedman, eds. Family Dynamics and Female Sexual Delinquency, Palo Alto, California, Science and Behavior Book, 1969.
- Benjamin, Harry, "Prostitution," The Encyclopedia of Sexual Behaviour, Vol. II, 1950.
- Benjamin, Harry and R.E.L. Masters, Prostitution and Morality, N. York: Julian Press, 1964.
- Carns, Donald E., "Talking About Sex: Notes on First Coitus and the Double Sexual Standard," Journal of Marriage and the Family, Vol. 35, 1973: 677 - 688.
- Chesser, Eustace, The Human Aspects of Sexual Deviation, London: Arrow Books, 1970.
- Clinard, Marshall B., Sociology of Deviant Behavior (4th edn.) N. York: Holt, Rinehart & Winston, 1974.
- Davis, Kingsley, "The Sociology of Prostitution", American Sociological Review, Vol. 2, Oct. 1937 : 744 - 755.
- Davis, Nanette J. "The Prostitute: Developing a Deviant Identity," James M. Herslin, ed. Studies in the Sociology of Sex, N. York: Appleton-Century-Crofts, 1971.
- Elliot, Mabel E. & Francis E. Merril, Social Disorganization, N. York: Harper & Brothers, 1941.
- Esselstyn, T.C., "Prostitution in the United States", Annals of the American Academy of Political and Social Sciences, Vol. 376, 1968: 123 - 135.
- Friedman, Alfred S., "The Family and the Female Delinquent: An Overview", Pollack & Friedman, eds. Family Dynamics and Female Sexual Delinquency.
- Gagnon, John H., "Sexual Behavior", David L. Sills, ed., The International Encyclopedia of Social Sciences, Vol. 12, 1958.
- Goode, Erich, Deviant Behavior, Englewood Cliffs, N. Jersey: Prentice-Hall, 1978.
- Gray, Diana, "Turning-Out: A Study of Teenage Prostitution," Urban Life and Culture, January, 1973: 401 - 424.

- Greenwald, Harold, The Elegant Prostitute, N. York: Ballantine Books, 1970.
- Hirschi, Travis, Causes of Delinquency, Berkeley, California: University of California Press, 1969.
- ✓ James, Jennifer, "Prostitutes and Prostitution", Edward Sagarin & Fred Montanino, eds., Deviants: Voluntary Actors in a Hostile World, Morristown, N. Jersey: General Learning Press, 1977.
- Julian, Joseph, Social Problems (2nd edition), Englewood Cliffs, N. Jersey: Prentice-Hall, 1977.
- Kinsey, Alfred C.; Wardell B. Pomeroy, Clyde E. Martin and Paul H. Gebhard, Sexual Behavior in the Human Female, Philadelphia: W.B. Saunders, 1953.
- Lemert, Edwin, Social Pathology, N. York: McGraw Hill, 1951.
- Mathur, A.S. & B.L. Gupta, Prostitutes & Prostitution, Agra (India): Asia Press, 1965.
- May, Geoffrey, "Prostitution", Encyclopedia of the Social Sciences, Vol. 12, 1933.
- McCaghy, Charles H., Deviant Behavior, N. York: MacMillan, 1976.
- Morris, Narval & Gordon Hawkins, The Honest Politician's Guide to Crime Control, Chicago: University of Chicago Press, 1970.
- Pomeroy, Wardell B., "Some Aspects of Prostitution", Journal of Sex Research, Vol. 1, 1965: 177 - 187.
- Reid, Sue Titus, Crime and Criminology, Hinsdale, Illinois: Dryden Press, 1976.
- Rosenblum, Karen E., "Female Deviance and the Female Sex Role: A Preliminary Investigation", British Journal of Sociology, Vol. 26, 1975: 169 - 185.
- Sanford, Jeremy, Prostitutes, London: Abacus Books, 1977.
- Sheehy, Gail, Hustling, N. York: Delacorte Press, 1973.
- Sutherland, Edwin H. & Donald R. Cressey, Criminology (10th edn.), N. York: J.B. Lippincott, 1978.
- Weinberg, Martin S., Social Problems in Modern Urban Society (2nd. edn.), Englewood Cliffs, N.Jersey : Prentice-Hall, 1970.
- Winick, Charles & Paul M. Kingsie, The Lively Commerce: Prostitution in the United States, Chicago: Quadrangle Books, 1971.

Bahan-bahan yang tidak tercetak:

Abdul Hadi Zakaria, Some Patterns in High Class Prostitution in Kuala Lumpur & Petaling Jaya, Tesis M.A., Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, 1975.

Ruslan Khatib, Pelacuran Melayu di Kuala Lumpur, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966.

Shamsiah Abdullah, Keruntuhan Akhlak di Kalangan Budak-Budak Perempuan, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, 1977.

Shaik Mohamed b. Mohd. Said, Pelacuran: Kawalan Sosial dan Undang-Undang di Malaysia (Dengan rujukan khas di Pulau Pinang), Kertas Projek, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, 1976.

Zakaria Ismail, Pelacuran di Bandaraya Pulau Pinang Satu Kajian Ke Atas Pelacur-Pelacur Yang Terdiri Daripada Pelayan-Pelayan Bar, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1976.

Festans - Melaka in Malaysia

Kelainan dalam Lapan Keadaan Pengalaman Pelan Penutuhan Wanita dan Gadis di Kuala Trengganu dan Cheras,

Febr 1974

LAMPIRANMajlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia

1. Malayan Teachers Union Malaysia
2. YWCA Malaysia
3. Persatuan Pandu Puteri Malaysia
4. Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Malaysia (Women Institute of Malaysia)
5. Pergerakan Wanita UMNO Malaysia
6. Wanita MCA
7. Wanita MIC
8. Selangor Lai Chee Association
9. Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (Pertiwi)
10. Malaysian Trade Union Congress Seksi Wanita
11. Persatuan Wanita Setiausaha Malaysia
12. Pertama - (Women Journalist Association)
13. Kelab Antarabangsa
14. Selangor Indian Association
15. Persatuan Wanita Universiti
16. Kelab Penceramah
17. Malaysia Ceylonese Congress National Women Council
18. Diplomatic Wife's Club
19. Wanita Christian Methodist
20. Malayan Youth Council

RUJUKAN :

- Anderson Phyllis Social Revolution and Women Emancipation. Bulletin of Concern Asian Scholars, Vol. 7, No. 1, 1975.
- Flexner, Eleanor. Century of Struggle : The Women Rights Movement. in USA Cambridge Mess. 1959.
- Ismail Abbas Wanita dalam Persejarahan Melayu. Dewan Masyarakat, Ogos, 1976.
- Mies Maria. Indian Women and Leadership. Bulletin of Concern Asian Scholars, Vol. 7, No. 1, 1975.
- O'neil William. The Women Movement : Feminism in the USA and England. George Allen & Unwin.
- Owens Roberts. Organisational Development Memineo, 1975.
- Strechey Ray . The Cost : A Short Listing of Womens' Movement in Great Britain, London, 1928.
- Wanita, Sept. 1976.
- Waters, 26 July, 1978.
- Wilkinson, Taul. Social Movement. Mc.Millan Press, 1971.
- Wilson Brian (ed) Patterns of Sectarianism - Organisation and Ideology in Social and Religious Movt. Heinemann, London, 1967.